

22 NOV 2003

Abdullah-Penaja (Bergambar)

TIDAK BANYAK PERUBAHAN, KECUALI KELANTAN GUGUR EMPAT KETUA BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini menggugurkan empat ketua bahagian di Kelantan daripada senarai jawatankuasa penaja parti negeri itu sebagai langkah pemantapan bagi menghadapi pilihan raya.

Majlis itu juga memutuskan untuk mengekalkan senarai jawatankuasa penaja parti di Terengganu dan melakukan perubahan-perubahan kecil di negeri-negeri lain seperti memindahkan ketua-ketua bahagian ke bahagian-bahagian baru.

Perkara itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada media selepas mempengerusikan mesyuarat khas MT di sini.

"Pada prinsipnya kita berpegang yang telah menang dalam pilihan raya, yang telah menang dalam pemilihan peringkat parti dulu kita kekalkan, tetapi bagi Kelantan prinsipnya ialah Umno berada di kawasan yang diperintah oleh pembangkang," katanya.

Mereka yang digugurkan ialah ketua bahagian Pasir Mas Datuk Ibrahim Ali yang diganti dengan Datuk Rahim Abdul Rahman, ketua bahagian Bachok Datuk Ahmad Shahabuddin Mohd Noor (diganti dengan Datuk Dr Awang Adek), ketua bahagian Kuala Krai Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (diganti dengan Datuk Romzi Abdul Rahman), dan ketua bahagian Kubang Kerian Tuan Mohd Hashim Tuan Yaacob (diganti dengan Datuk Ahmad Rosli Ibrahim).

Mengulas lanjut pengguguran itu, Abdullah yang kini memangku jawatan Presiden Umno berkata ia dibuat setelah mempertimbangkan perlunya perubahan dibuat di Kelantan bagi mengukuhkan jentera parti.

Katanya, MT memutuskan untuk hanya melakukan perubahan kecil walaupun pada asasnya wujud persoalan untuk melakukan rombakan secara besar-besaran di negeri itu.

"Jadi pilihan kita ialah membuat sedikit pindaan dan kita ikut cadangan yang telah dikemukakan (Badan) Perhubungan Umno Kelantan," katanya.

Abdullah berkata semua keputusan yang dibuat adalah muktamad dan semua pihak diminta menerimanya dengan fikiran terbuka kerana ia adalah demi kepentingan parti.

"Tak boleh bantah, saya harap jangan bantah," katanya sambil menegaskan jika ada yang berbuat demikian ia adalah melanggar disiplin parti.

"Kita fikir panjang, bukan kita buat cincai-cincai...dah lama kita dah kita belek, kita kaji, semasa jawatankuasa pengurusan bincang kita ambil masa lebih tiga jam...kita nak pastikan apa yang dibuat adalah sebaik-baiknya untuk parti bukan untuk individu mana-mana, bukan untuk kumpulan mana-mana, bukan untuk geng mana-mana," katanya.

Mengulas mengenai Terengganu, Abdullah berkata kepimpinan parti berpuashati dengan tugas-tugas yang dilakukan oleh semua bahagian di negeri itu.

"Pada masa ini bahagian-bahagian di Terengganu telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukuhkan parti," katanya.

Ditanya sama ada semua yang dipilih akan menjadi calon dalam pilihan raya, Abdullah berkata calon pilihan raya adalah isu lain.

"Pilihan raya cerita lain, tak ada gerenti, tak ada prinsip, tidak ada undang-undang yang mengatakan kalau sudah jadi ahli jawatankuasa bahagian akan jadi calon," katanya.

Sementara itu mengulas lanjut mengenai senarai jawatankuasa penaja itu, Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor ketika ditemui pemberita selepas itu berkata antara perubahan-perubahan yang dilakukan

termasuk di bahagian Kubang Pasu.

Katanya, disebabkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga ketua bahagian itu telah menyatakan untuk tidak memegang sebarang jawatan dalam parti, MT telah memutuskan untuk melantik bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff sebagai ketua penaja bahagian itu.

Selain itu senarai tersebut juga menyaksikan tiga ketua perhubungan Umno negeri memegang dua bahagian, katanya.

Menurutnya, beliau selaku ketua perhubungan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, turut menjadi ketua penaja bahagian Seputeh dan kawasan baru Putrajaya, ketua perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob (bahagian Bentong dan bahagian baru Indera Mahkota), dan ketua perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo yang memegang bahagian Sungai Besar dan bahagian baru Serdang.

Ditanya mengenai rasional tindakan itu, Tengku Adnan berkata ia adalah kehendak kepimpinan parti yang mahu ketua perhubungan sendiri mengawasi dan memantau kawasan-kawasan baru tersebut sehingga ia stabil bagi menghadapi pilihan raya.

Ditanya sama ada kawasan-kawasan itu adalah yang bermasalah, Tengku Adnan berkata: "Daripada laporan yang diterima kawasan-kawasan baru ini mungkin tiada pemimpin dan beberapa masalah lain."

Turut tersenarai dalam barisan jawatankuasa penaja itu termasuklah naib presiden Umno Tan Sri Muhammad Mohd Taib yang dilantik sebagai ketua penaja bahagian baru Kelana Jaya, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (Gopeng-beliau sebelum ini memangku), Datuk Noh Omar (bahagian baru Tanjung Karang), dan Datuk Dr Ibrahim Saad (bahagian baru Batu Kawan).

Katanya, Perdana Menteri pula kekal sebagai ketua penaja bahagian Kepala Batas.

-- BERNAMA  
NM KHY MOZ